

05 JAN 2002

Mahathir-Makmal

DR MAHATHIR MINTA ISU MAKMAL KOMPUTER TIDAK DIGEMBAR-GEMBURKAN

PUTRAJAYA, 5 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta semua pihak terutamanya media supaya tidak menggembar- gemburkan isu kelewatan menyiapkan makmal komputer sekolah.

Beliau meminta semua pihak supaya memberi peluang kepada kerajaan mengkaji punca sebenar masalah itu berlaku.

"Janganlah gembar-gemburkan sangat...bagi peluang kepada kita (kerajaan) kaji mengapa perkara ini berlaku," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri rumah terbuka Aidilfitri Kementerian Luar di Wisma Putra di sini, Dr Mahathir berkata, kerajaan menghadapi masalah ketika hendak memberikan kontrak kerana terlalu banyak aspek yang perlu diambil kira.

"Kalau di negara lain nak bagi kontrak diberi kepada yang terbaik, biasanya mereka yang besar (dan) dia akan menjalankan kerja dengan baik," katanya.

"Tetapi di Malaysia kita nak ambil kira kontraktor kecil, kontraktor bumiputera, sama ada ia layak atau tidak...jadi payahlah." katanya.

Justeru beliau berharap isu kelewatan empat kontraktor menyiapkan makmal komputer sekolah tidak diperbesar-besarkan.

"Kita akan kaji perkara ini dan cuba selesaikan masalah. Ini perkara baru, dulu tak ada masalah. Kerajaan dah buat beratus-ratus sekolah sebelum ini," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga berkata penggunaan komputer di sekolah tidak semestinya perlu ada makmal komputer kerana komputer boleh ditempatkan di bilik darjah.

"Tapi, kadang-kadang orang kita selagi tidak ada tempat "specific" tak boleh buat kerja," katanya.

-- BERNAMA

AKT MUN RZS MOZ